

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **Lisan**

**DARIPADA** : **Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah  
[ Kuala Terengganu ]**

**TARIKH** : **30 Mac 2015**

**SOALAN** : **Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah  
minta **MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan  
apakah usaha-usaha Kementerian bagi  
mengembalikan bilangan dan ketibaan  
penyu-penyu '*Leather Back*' ke Pantai  
Timur Semenanjung.**

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang Dipertua,**

Di bawah Perlembagaan Persekutuan Jadual IX, Senarai II – Senarai Negeri, Perkara 12, penyu dengan jelasnya merupakan tanggungjawab di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia bertindak selaku penyelaras di peringkat persekutuan yang berperanan menyelaras semua aktiviti pemuliharaan spesis terancam marin seperti mamalia marin dan penyu di enam buah negeri iaitu Pulau Pinang, Perak, Melaka, Johor, Pahang dan Terengganu.

Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah mengambil beberapa tindakan pemuliharaan seperti berikut bagi mengembalikan bilangan dan ketibaan penyu-penyu '*Leather Back*' ke Pantai Timur Semenanjung:

- i. pewartaan Enakmen Kerajaan Negeri Terengganu, iaitu mengharamkan eksploitasi terhadap telur Penyu Belimbing dan hasilnya sejak tahun 1991 dan tiada telur Penyu Belimbing dijual di pasar-pasar sekitar negeri Terengganu;
- ii. mengharamkan penggunaan pukot pari (sejenis pukot hanyut) yang mempunyai saiz mata pukot melebihi 10 inci;
- iii. mengadakan program kesedaran kepada nelayan mengenai kepentingan untuk pemuliharaan penyu seperti tidak mengganggu habitat penyu dan tidak menceroboh perairan santuari;
- iv. menjalankan kempen kesedaran penggunaan peranti penyisih penyu yang mampu mengurangkan kematian penyu yang terperangkap dalam pukot tunda;
- v. mengadakan gotong-royong pembersihan pantai bagi membersihkan pantai dan kawasan habitat semuajadi daripada sampah domestik;
- vi. mengelakkan pembukaan kawasan penginapan dan pemasangan lampu di kawasan pantai santuari; dan
- vii. penyertaan Malaysia sebagai ahli kepada *Indian Ocean and South East Asian (IOSEA) Memorandum of Understanding for Sea Turtle* sejak tahun 2011. Pertubuhan yang berada di bawah *United Nation of Environmental Programme (UNEP)* ini merupakan satu jaringan perkongsian aktiviti pemuliharaan penyu bagi seluruh kawasan Lautan Hindi dan Asia Tenggara.